

Jerebu: 409 sekolah di Sarawak ditutup

M/S 05

■ KUCHING 10 SEPT.

SEBANYAK 409 sekolah di sembilan daerah di negeri ini diarahkan tutup hari ini selepas bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan terbabit diambil kira sehingga pukul enam petang semalam.

Jabatan Pendidikan Negeri dalam satu kenyataan berkata, sekolah itu melibatkan 347 sekolah rendah dan 62 sekolah menengah di Kuching, Samarahan, Padawan, Serian, Sri Aman, Betong, Bau, Lundu dan Lubok Antu.

"Ini melibatkan sebanyak 157,479 murid," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Di Kuching, sebanyak 26 sekolah menengah dan 61 sekolah rendah ditutup, Padawan (15 sekolah menengah, 86 sekolah rendah), Betong (lapan sekolah menengah, 45 sekolah rendah), Sri Aman (lima sekolah menengah, 36 sekolah rendah) dan Bau (empat sekolah menengah,

409 sekolah diarah tutup
347 sekolah rendah
62 sekolah menengah

Melibatkan **157,479** murid



40 sekolah rendah).

Di Lubok Antu pula membatik dua sekolah menengah dan 28 sekolah rendah, Samarahan (dua sekolah menengah, satu sekolah rendah) manakala Serian dan Lundu masing-masing 20 dan 30 sekolah rendah.

Sementara itu, Timbalan Pen-

garah Pendidikan Negeri Sarawak Abang Mat Ali Abang Masagus berkata, peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di sekolah terlibat bagaimanapun berjalan seperti biasa.

"(Penilaian penutupan sekolah) akan mengikut bacaan IPU setiap pukul 6 petang, kerana

keputusan perlu dibuat untuk esok hari.

"Jadi melihat kepada keadaan kualiti udara sekarang ini (hari ini), maknanya mereka (pihak sekolah) kena buat persediaan untuk buka sekolah esok kalau trend bacaan IPU terus menurun," katanya ketika dihubungi.

PETUNJUK:
● Sekolah Menengah
● Sekolah Rendah